

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, 11 April, 2019 2:14 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kerjasama UUM-SCB Motivasi Jayakan Persidangan Peringkat Antarabangsa



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

11 APRIL 2019 / 05 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

KERJASAMA UUM-SCB MOTIVASI JAYAKAN PERSIDANGAN PERINGKAT ANTARABANGSA



UUM ONLINE: Kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) dengan Sarawak Convention Bureau (SCB) akan menjadi motivasi kepada kedua pihak untuk menjayakan persidangan dan mesyuarat di peringkat antarabangsa.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad berkata, penawaran tajaan dan sokongan oleh SCB kepada UUM itu menjadi batu loncatan dan juga peluang kepada ahli akademik khususnya penyelidik untuk menjayakan persidangan di peringkat antarabangsa.

Katanya, dengan adanya kerjasama dengan SCB itu, kedua pihak perlu bergerak dengan lebih pantas dan bekerja keras untuk menjayakan program-program yang dirancang.

"Selain itu, saya juga mahu pusat pengajian mengambil peluang dari kerjasama ini untuk menganjurkan persidangan memandangkan sebelum ini banyak pusat pengajian menjadikan masalah kewangan sebagai halangan.

"Sebelum ini, ada pusat pengajian lain seperti TISSA-UUM dan SOC telah menganjurkan persidangan di Kuching, justeru saya berharap ia menjadi satu peluang hebat untuk membawa kerjasama ini ke satu tahap yang lebih tinggi lagi," katanya pada Program Kerjasama Sarawak Convention Bureau (SCB) Bersama UUM di EDC Hotel and Resorts, hari ini.

Sementara itu, Pengurus Besar, Jabatan Kerajaan dan Hubungan Industri, SCB, Chew Chang Guan berkata, pihaknya berbangga apabila dapat menjalinkan kerjasama dengan UUM menerusi RIMC.

Katanya, SCB akan membantu dan menyokong UUM untuk mengadakan persidangan atau mesyuarat di Sarawak khususnya selaras dengan matlamat untuk membangunkan negeri tersebut sebagai destinasi yang kompetitif untuk mesyuarat antarabangsa.

"Dengan adanya penganjuran persidangan, mesyuarat atau seminar ini secara tidak langsung akan membantu dalam pembangunan sosial, pemindahan teknologi dan ilmu pengetahuan serta merapatkan hubungan antara kedua pihak.

"Saya berharap kerjasama yang terjalin antara SCB dan UUM ini akan berpanjangan dan pihak kami juga berhasrat untuk memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan UUM kelak bagi manfaat kedua pihak," katanya.

SCB ditubuhkan pada 2006 oleh kerajaan negeri Sarawak sebagai syarikat bukan untuk membuat keuntungan.

Pada program itu, Pengurus Kanan, Pembangunan Perniagaan, SCB, Donny Tan Yee turut menyampaikan taklimat tentang penawaran penajaan oleh SCB dalam penganjuran persidangan dan mesyuarat.

Hadir sama, Pengarah RIMC, Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf dan ketua pusat tanggungjawab serta ahli akademik.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.